

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]**

**SOALAN :**

**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

kadar pertumbuhan pelabur swasta sejak permulaan ETP bagi tahun 2012 hingga kini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam satu pengesahan daripada agensi penarafan antarabangsa baru-baru ini, Perkhidmatan Penarafan Standard & Poor's (S&P)<sup>1</sup> memperakukan bahawa Malaysia akan terus kekal berada pada landasan pertumbuhan yang kukuh dengan menyatakan bahawa, "eksport barangan perkilangan dan pertumbuhan dalam penggunaan swasta dan pelaburan mungkin memacu pengembangan".

Malaysia mencapai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang kukuh sebanyak 5 peratus. Antara tahun 2010 hingga 2015, KDNK meningkat 30 peratus daripada RM797.3 bilion kepada RM 1.13 trilion. Pada tahun 2015, sektor swasta menyumbang 65 peratus daripada jumlah pelaburan di Malaysia berbanding 58 peratus pada tahun 2012 dengan kadar pertumbuhan 7% di antara tahun 2012-2015.

Pelaburan terealisasi (*realised investments*) meningkat dengan pesat antara tahun 2011 hingga 2015 pada kadar pertumbuhan tahunan terkompoun (*compound annual growth rate, CAGR*) sebanyak 8.3 peratus, berbanding dengan hanya 5.3 peratus antara tahun 2006 hingga 2010. Ruang ini juga didominasi oleh sektor swasta, berikutan pelaksanaan ETP pada bulan September 2010. Ini merupakan senario awal yang cemerlang kepada aspirasi untuk mendorong peserta sektor

---

<sup>1</sup> Pengesahan S&P dalam Penarafan Mata Wang Asing dan Tempatan Malaysia. Sumber: <http://www.bernama.com/bernama/v8/bu/newsbusiness.php?id=122952>

swasta memiliki bahagian pelaburan yang besar, iaitu sasaran 92 peratus daripada jumlah pelaburan menjelang tahun 2020. Pertumbuhan yang dijana oleh pelaburan dan penggunaan berterusan daripada sektor swasta ini membanggakan, sejajar dengan aspirasi ETP untuk melihat peningkatan penyertaan sektor swasta dalam memacu ekonomi ke hadapan.

Adalah amat penting bagi kita melaksanakan usaha ini, demi meraih pertumbuhan yang mampan untuk Malaysia. Jika sektor swasta berterusan menjadi peneraju dalam menarik pelaburan ke Malaysia, Kerajaan akan dapat memberikan tumpuan pada usaha membangunkan persekitaran yang kondusif dan mesra perniagaan untuk membolehkan pertumbuhan sektor, dan pada masa yang sama meneruskan usaha untuk menambah baik kualiti kehidupan, kebajikan rakyat dan mengukuhkan institusi negara.

Sekian, terima kasih.